SINAR M/S 3 37 ISNIN 21/5/2018

# Mains peruntuk dana Aidilfitri

**KUALA PILAH** – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) memperuntukan bantuan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM12,900 untuk diberi kepada para asnaf.

Seramai 43 asnaf dari Masjid Kariah Tengkek dan masyarakat Islam Orang Asli Kampung Guntur telah menerima sumbangan sebanyak RM300 seorang bertempat di Masjid Tunku Ali Hussein Saifuddin Al-Amin, di Kampung Tengkek di sini.

Selain itu, Mains turut peruntukan RM67,500 bagi bantuan tahunan masjid seluruh daerah dengan setiap masjid menerima bantuan RM2,500.

Hadir sama, Setiausaha Mains Datuk Kamal Amran Kamarudin dan Adun Juasseh, Datuk Ismail Lasim.